

TH Plantations raih untung bersih RM75.18 juta, umum dividen tiga sen

Oleh **BERNAMA** - Februari 28, 2025 @ 3:40pm



Gambar hiasan. - NSTP/ASYRAF HAMZAH

KUALA LUMPUR: TH Plantations Bhd (THP) mencatatkan lonjakan keuntungan bersih kepada RM75.18 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, meningkat daripada RM46.62 juta pada tahun sebelumnya, didorong oleh prestasi operasi yang lebih kukuh.

Pendapatan kumpulan turut melonjak 16.72 peratus kepada RM877.73 juta berbanding RM752.03 juta pada 2023, hasil daripada peningkatan jualan minyak sawit mentah (MSM) serta harga purata lebih tinggi bagi MSM, isirung sawit dan buah tandan segar (BTS).

Bagi suku keempat 2024, keuntungan bersih THP meningkat lebih dua kali ganda kepada RM30.18 juta berbanding RM12.28 juta pada suku yang sama tahun lalu, manakala hasil turut meningkat kepada RM270.42 juta daripada RM216.5 juta sebelumnya.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, THP menegaskan komitmennya untuk memperkuuh operasi dan kemampunan dengan meningkatkan kecekapan, mengoptimumkan kos serta menerapkan amalan agronomi terbaik di bawah inisiatif Al-Falah 22/22, iaitu pelan perniagaan strategik lima tahun kumpulan.

"Antara usaha utama yang dilaksanakan termasuk program penanaman semula dan mekanisasi, bagi menangani cabaran industri seperti hasil yang rendah dan kekurangan tenaga buruh," katanya.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Pengerusi THP, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, mengumumkan dividen sebanyak 3.00 sen sesaham, meningkat 50 peratus berbanding tahun sebelumnya, sebagai bukti komitmen kumpulan dalam memberikan nilai kepada pemegang saham.

"Keputusan kewangan yang memberangsangkan bagi tahun kewangan 2024 mencerminkan keberkesanan operasi kami, selari dengan pelan strategik THP," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif THP, Mohamed Zainurin Mohamed Zain, pula menegaskan kumpulan akan terus memfokuskan kepada peningkatan kecekapan operasi, mengemudi cabaran pasaran serta memacu penciptaan nilai jangka panjang melalui semangat "Ukhwah", iaitu usaha kolaboratif ke arah kecemerlangan. - Bernama